



BUKU PANDUAN PENGAJIAN SISWAZAH GRADUATE STUDIES GUIDE BOOK

Program Sarjana dan Doktor Falsafah
Mod Penyelidikan

*Master and Doctor of Philosophy
Research Mode*

KANDUNGAN	HALAMAN
Aluan Naib Canselor	4
Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	5
Aluan Dekan Pusat Pengajian Siswazah	6
1. PENDAHULUAN	7
1.1 Visi, Misi, Moto & Nilai Teras Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	
1.2 Pengenalan Pusat Pengajian Siswazah	
1.3 Tujuan Buku Panduan Pengajian Siswazah	
2. SYARAT KEMASUKAN	8
2.1 Program Sarjana	
2.2 Program Doktor Falsafah	
2.3 Keperluan Bahasa	
3. PENDAFTARAN	9
3.1 Pendaftaran Semester Pertama	
3.2 Pendaftaran Semester Berikutnya	
3.3 Pendaftaran Bagi Calon Yang Telah Menyerahkan Tesis Untuk Pemeriksaan	
3.4 Pendaftaran Serentak	
4. KEPERLUAN PROGRAM ATAU KURSUS	10
5. PENANGGUHAN PENGAJIAN	10
6. PENARIKAN DIRI	10
7. PEMBERHENTIAN CALON	11
8. TEMPOH PENGAJIAN	11
9. TESIS	12
10. PENYELIAAN	12
10.1 Bentuk Penyeliaan	
10.2 Kriteria Pelantikan Penyelia	
10.3 Pelantikan Penyelia	
10.4 Pertukaran / Pengguguran Penyelia Utama / Penyelia Bersama	

KANDUNGAN	HALAMAN
11. LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN	14
12. PERTUKARAN BENTUK PENDAFTARAN	14
13. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN	14
14. PERTUKARAN MOD PENGAJIAN	15
15. PERTUKARAN TAJUK / BIDANG PENYELIDIKAN	15
16. PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN	15
17. PERTUKARAN PERINGKAT PENGAJIAN SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH	16
18. KEMASUKAN TERUS PROGRAM PhD BAGI CALON SARJANA MUDA	17
19. NOTIS PENYERAHAN TESIS	18
20. PENYERAHAN TESIS UNTUK PEMERIKSAAN	18
21. PENILAIAN AKHIR	18
22. PENILAIAN TESIS	19
23. PENANGGUHAN <i>VIVA VOCE</i>	19
24. RAYUAN KEPUTUSAN <i>VIVA VOCE</i>	19
25. PENYERAHAN TESIS BERJILID	20
26. PENGANUGERAHAN IJAZAH	20

Aluan Naib Canselor

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh, salam sejahtera.



Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan selamat datang kepada para pelajar yang kini bergelar calon siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Syabas dan terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) atas usaha gigih menerbitkan Buku Panduan Pengajian Siswazah Mod Penyelidikan yang boleh dijadikan rujukan sepanjang tempoh pengajian calon.

Pihak Universiti mengambil berat terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran kerana ia merupakan proses penting untuk melahirkan insan yang berdisiplin, bertanggungjawab dan berilmu. Maklumat yang dipaparkan dalam Buku Panduan Pengajian Siswazah ini diharap dapat digunakan sebaiknya oleh semua calon sebagai sumber maklumat dan panduan dalam merancang pengajian serta memahami peraturan berkaitan hal ehwal akademik siswazah. Pihak universiti menerusi PPS akan terus mengambil langkah proaktif dan responsif dalam menjadikan maklumat sedia ada sentiasa relevan dengan pasaran semasa dan memenuhi tuntutan pembangunan negara. Semoga semua calon dapat memanfaatkan buku panduan ini sepanjang tempoh pengajian.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan kedatangan semua calon ke UniSZA. Tingkatkan usaha dan iltizam untuk menjadi graduan UniSZA yang dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada masyarakat dan sekaligus memartabatkan nama UniSZA di persada dunia.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

**Aluan Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)**

Assalamualaikum warahmatullah dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat datang kepada semua calon yang telah mendaftar sebagai pelajar siswazah di UniSZA.



Sejak kebelakangan ini pengajian siswazah berkembang dengan amat pesat semenjak penubuhan Universiti pada 2007. Dalam tempoh yang singkat, UniSZA telah menunjukkan kemajuan yang amat positif dalam penawaran program siswazah dengan pertambahan bilangan pelajar tempatan dan antarabangsa yang menggalakkan. Ini menggambarkan keyakinan para siswazah terhadap kepakaran yang ada di UniSZA dalam pelbagai bidang. Pertambahan program siswazah baharu juga menjadi salah satu kriteria pendorong kepada perkembangan pengajian siswazah di UniSZA.

Bersesuaian dengan matlamat melahirkan insan holistik yang dihasratkan bagi pembangunan negara, UniSZA berusaha untuk merealisasikan dengan menyediakan pengajian siswazah yang berkualiti serta menepati keperluan semasa.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) atas usaha murni menerbitkan Buku Panduan Pengajian Siswazah Mod Penyelidikan ini sebagai panduan kepada para siswazah.

Profesor Dr. Mahadzirah binti Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Sultan Zainal Abidin

Aluan Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Assalamualaikum warahmatullah dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua calon siswazah kerana telah membuat pilihan tepat dengan mengikuti Program Pengajian Siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).



Pusat Pengajian Siswazah (PPS) berhasrat untuk melahirkan siswazah profesional berkualiti tinggi bagi menyahut cabaran semasa. Calon siswazah akan dilatih untuk menguasai kepakaran dalam bidang masing-masing. Hal ini tidak sukar untuk dicapai kerana UniSZA mempunyai barisan pensyarah yang berkelayakan tinggi dan berdedikasi serta memiliki kemudahan serba lengkap bagi tujuan melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi dalam pelbagai bidang.

Sebelum ini UniSZA hanya memfokuskan program pengajian dalam mod penyelidikan. Mulai 2015, beberapa program peringkat sarjana telah ditawarkan secara mod kerja kursus dan mod campuran. Penawaran program baharu ini akan merancakkan lagi iklim pembelajaran di UniSZA. Sesuai dengan peningkatan jumlah calon siswazah, PPS sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan mengamalkan konsep mesra pelanggan.

Akhir sekali, PPS mengalu-alukan kedatangan semua calon untuk meneruskan pengajian pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di UniSZA.

Profesor Dr. Mustafa bin Mamat
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Sultan Zainal Abidin

1. PENDAHULUAN

1.1 VISI, MISI, MOTO & NILAI TERAS UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

VISI

Universiti Pilihan Tersohor di Persada Dunia

MISI

Menzahirkan Insan Berperadaban dan Berkemahiran Teknologi
Pengurusan Melalui Kecemerlangan Akademik dan Keterlibatan
Komuniti

MOTO

Ilmu Demi Faedah Insan

NILAI TERAS

Beretika dan Berakhlak
Kompeten dan Berkemahiran
Profesionalisme
Permuafakatan Telus/Kerja Berpasukan
Kreatif dan Inovatif
Fokus Pelanggan
Berkepetanggungjawaban
Kecaknaan dan Kekitaan
Kebolehpercayaan

1.2 PENGENALAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

Pusat Pengajian Siswazah UniSZA telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007 untuk memastikan pengurusan pengajian siswazah dapat dilakukan dengan lancar dan teratur. Sejajar dengan itu, Pusat Pengajian Siswazah dipertanggungjawabkan bagi menyelaras program pengajian siswazah yang dikendalikan di peringkat fakulti/institut, seterusnya memastikan perkembangan dan peningkatan program pengajian siswazah di UniSZA. Fungsi tersebut adalah selaras dengan matlamat Universiti untuk melahirkan sarjana dalam pelbagai bidang keilmuan.

1.3 TUJUAN BUKU PANDUAN PENGAJIAN SISWAZAH

Buku Panduan ini digunapakai sebagai rujukan bagi semua calon yang mendaftar dalam program pengajian siswazah UniSZA. Ia juga menjadi garis panduan bagi fakulti/institut merancang dan melaksanakan program pengajian siswazah.

2. SYARAT KEMASUKAN

Calon yang ingin mengikuti program siswazah mesti mempunyai kelayakan berikut:

2.1 Program Sarjana

- 2.1.1 Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA minimum 2.75; atau
- 2.1.2 Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.50 dengan 3 tahun pengalaman kerja; atau
- 2.1.3 Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA kurang daripada 2.50 dengan 5 tahun pengalaman kerja; atau
- 2.1.4 Syarat-syarat lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
- 2.1.5 Bagi Sarjana Undang-Undang (LLM), kelayakan masuk adalah Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang atau Syariah dengan CGPA minimum 3.0.

2.2 Program Doktor Falsafah

- 2.2.1 Ijazah Sarjana daripada universiti yang diiktiraf oleh Senat; atau
- 2.2.2 Kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana dan diiktiraf oleh Senat; atau
- 2.2.3 Calon Sarjana yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA 3.30 dan ke atas boleh memohon terus ke program Doktor Falsafah tertakluk kepada syarat-syarat pada Perkara 17.
- 2.2.4 Calon Sarjana yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA 3.70 dan ke atas boleh terus memasuki ke program Doktor Falsafah tertakluk kepada syarat-syarat pada Perkara 18.

2.3 Keperluan Bahasa (Calon Antarabangsa)

- 2.3.1 Calon yang bahasa pertamanya bukan Bahasa Melayu perlu menghadiri kursus Bahasa Melayu yang ditawarkan oleh UniSZA.

- 2.3.2 Calon mesti lulus TOEFL dengan skor minima 550 atau IELTS dengan skor minima 6.0 bagi program tertentu. Bagi yang tidak memenuhi syarat ini calon dikehendaki mengikuti kursus intensif Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti.
- 2.3.3 Syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Senat.

3. PENDAFTARAN

3.1 Pendaftaran Semester Pertama

- 3.1.1 Surat tawaran akan dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS) UniSZA kepada semua pemohon yang berjaya. Surat tawaran adalah sah untuk tempoh enam (6) bulan sahaja daripada tarikh surat dikeluarkan.
- 3.1.2 Calon perlu mendaftar sepertimana yang dinyatakan dalam surat tawaran menggunakan Borang Pendaftaran Semester Pertama.
- 3.1.3 Calon dikehendaki mematuhi semua syarat yang dinyatakan di dalam surat tawaran.
- 3.1.4 Calon yang tidak dapat mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan perlu mengisi borang permohonan penangguhan pendaftaran.
- 3.1.5 Penawaran akan terbatal dengan sendirinya sekiranya calon tidak mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebarang makluman bertulis.

3.2 Pendaftaran Semester Berikutnya

- 3.2.1 Calon perlu mendaftar pada setiap semester dan dikehendaki menjelaskan kesemua yuran sebelum pendaftaran. Calon yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan untuk mendaftar.
- 3.2.2 Calon hendaklah mendaftar dalam tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam notis makluman pendaftaran dengan mengisi Borang Pendaftaran Semester Kedua dan Seterusnya.
- 3.2.3 Calon yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu tanpa makluman bertulis secara automatik akan berstatus Henti Sendiri.
- 3.2.4 Kelulusan permohonan penangguhan pengajian adalah bagi satu (1) semester sahaja. Walau bagaimanapun, calon boleh memohon penangguhan sehingga maksimum dua (2) semester dan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU).

3.3 Pendaftaran Bagi Calon Yang Telah Menyerahkan Tesis Untuk Pemeriksaan

- 3.3.1 Calon yang telah menyerahkan tesis untuk pemeriksaan, tetapi belum menjalani peperiksaan lisan perlu terus mendaftar dan diberi status "Serah Tesis Untuk Pemeriksaan" tanpa dikenakan yuran pengajian selagi tidak melebihi tempoh empat (4) minggu dari semester bermula.

3.4 Pendaftaran Serentak

- 3.4.1 Calon yang berdaftar di UniSZA tidak dibenarkan mendaftar di mana-mana institusi pengajian tinggi lain tempatan atau luar negara.
- 3.4.2 Calon dibenarkan untuk mendaftar serentak bagi program kerjasama antara UniSZA dengan institusi pengajian tinggi lain.
- 3.4.3 Calon yang tidak mematuhi perkara 3.4.1 akan ditamatkan pencalonan dan UniSZA tidak akan mengembalikan apa-apa bayaran yang telah dibuat.

4. KEPERLUAN PROGRAM ATAU KURSUS

Semua calon wajib mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan untuk memenuhi keperluan bergraduasi kecuali bagi yang pernah mengikutinya sebelum ini samada di UniSZA atau di institusi lain.

5. PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 5.1 Permohonan menangguh pengajian hendaklah menggunakan Borang Permohonan Penangguhan Pengajian.
- 5.2 Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas semester bermula kecuali atas sebab-sebab yang munasabah.
- 5.3 Semasa dalam penangguhan pengajian, calon hilang taraf sebagai calon Universiti sehinggalah dia mendaftar semula pengajiannya.

6. PENARIKAN DIRI

- 6.1 Calon boleh menarik diri dari pengajian pada bila-bila masa.
- 6.2 Calon yang menarik diri selepas empat (4) minggu dari semester bermula tidak akan dikembalikan sebarang bayaran yang telah dibuat.

7. PEMBERHENTIAN CALON

- 7.1 Calon boleh ditamatkan pengajian oleh Senat Universiti pada bila-bila masa apabila didapati:
- Melanggar mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; atau
 - Memberi maklumat palsu mengenai kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan untuk mendapatkan Ijazah; atau
 - Melakukan salah laku penyelidikan.
- 7.2 Calon boleh ditamatkan pengajian apabila memperolehi keputusan tidak memuaskan (TM) dua (2) kali berturut-turut dalam Laporan Kemajuan Penyelidikan yang dinilai oleh penyelia utama.
- 7.3 Calon yang ditamatkan pengajian boleh membuat rayuan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh notis pemberhentian dikeluarkan.

8. TEMPOH PENGAJIAN

- 8.1 Calon wajib memenuhi syarat keperluan tempoh minimum untuk menyerahkan tesis bagi tujuan peperiksaan.

Peringkat Pengajian	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
Sarjana	2 semester	8 semester	4 semester	10 semester
Doktor Falsafah	4 semester	10 semester	6 semester	14 semester

- 8.2 Walau bagaimanapun calon boleh memohon untuk menyerahkan tesis lebih awal bagi tujuan peperiksaan setelah mendapat kelulusan daripada JAPSU dan mengambil kira hasil penerbitan.
- 8.3 Tempoh Graduate on Time (GOT) yang ditetapkan bagi Program Sarjana adalah dua (2) tahun dan bagi Program PhD adalah empat (4) tahun.

9. TESIS

- 9.1 Tesis hendaklah ditulis mengikut format yang ditetapkan oleh Universiti.
- 9.2 Calon yang mengikuti mod Penyelidikan, jumlah patah perkataan bagi tesis Doktor Falsafah hendaklah di antara 50000 – 80000. Tesis Sarjana hendaklah di antara 30000 – 50000 patah perkataan. Jumlah ini tidak termasuk nota kaki, petikan, lampiran, rumusan, jadual, gambarajah dan sebagainya.
- 9.3 Tesis boleh ditulis dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab tertakluk kepada kelulusan fakulti/institut.
- 9.4 Calon boleh menerbitkan hasil kajian dalam tempoh pengajian atas persetujuan penyelia dengan syarat penerbitan tersebut hendaklah mengandungi penghargaan kepada Universiti.
- 9.5 Semua tesis dan hasil penyelidikan calon adalah hakmilik Universiti.

10. PENYELIAAN

10.1 Bentuk Penyeliaan

Terdapat tiga (3) bentuk penyeliaan bagi calon siswazah bergantung kepada keperluan dan kehendak bidang iaitu:

- i. Penyeliaan Secara Individu;
- ii. Penyeliaan Secara Bersama; dan
- iii. Penyeliaan Secara Jawatankuasa.

10.2 Kriteria Pelantikan Penyelia

10.2.1 Kriteria pelantikan penyelia pada peringkat Doktor Falsafah:

- i. Staf akademik yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dengan sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran atau penyelidikan atau sebagai Penyelia Bersama; atau
- ii. Staf akademik yang memperolehi Ijazah Doktor Falsafah kurang dari dua (2) tahun dan tidak mempunyai pengalaman menyelia boleh dilantik sebagai Penyelia Utama sekiranya beliau telah mengikuti kursus penyeliaan dari UniSZA atau mana-mana Institusi yang diiktiraf oleh Universiti; atau

- iii. Staf akademik yang mempunyai kepakaran tertentu dan tidak mempunyai Ijazah Doktor Falsafah, boleh dipertimbangkan untuk perantikannya sebagai Penyelia Utama atau Penyelia Bersama.

10.2.2 Kriteria pelantikan penyelia pada peringkat Sarjana:

- i. Staf akademik yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah; atau
- ii. Pensyarah Kanan yang mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan penerbitan; atau
- iii. Pensyarah yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran atau penyelidikan atau sebagai penyelia bersama.

10.3 Pelantikan Penyelia

- 10.3.1 Calon berhak untuk memohon pelantikan Penyelia Utama setelah mendapat sokongan fakulti/institut.
- 10.3.2 Calon berhak untuk memohon pelantikan Penyelia Bersama setelah mendapat sokongan Penyelia Utama dan kelulusan fakulti/institut.
- 10.3.3 Bagi penyeliaan secara individu, penyelia hendaklah dilantik daripada kalangan staf akademik bertaraf tetap dan anggota kepada fakulti/institut di mana calon berkenaan berdaftar.
- 10.3.4 Penyelia Utama bertaraf kontrak boleh dilantik dengan syarat Penyelia Bersama hendaklah bertaraf tetap.
- 10.3.5 Staf akademik yang berpindah dari UniSZA boleh dilantik sebagai Penyelia Utama atau Penyelia Bersama tertakluk kepada kelulusan fakulti/institut.
- 10.3.6 Bagi penyeliaan program Ijazah Kedoktoran Industri, Penyelia Industri perlu dilantik sebagai Penyelia Bersama di samping Penyelia Utama adalah staf akademik UniSZA. Pelantikan kedua-dua penyelia hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan.
- 10.3.7 Penyelia yang dilantik tidak boleh mempunyai apa-apa hubungan peribadi/kekeluargaan dengan calon yang diselia.
- 10.3.8 Staf akademik yang sedang menyambung pengajian tidak boleh menyelia mana-mana calon siswazah.

10.4 Pertukaran/Pengguguran Penyelia Utama/Penyelia Bersama

- 10.4.1 Calon berhak untuk memohon pertukaran/pengguguran Penyelia Utama setelah mendapat sokongan fakulti/institut dan kelulusan PPS.
- 10.4.2 Calon berhak untuk memohon pertukaran/pengguguran Penyelia Bersama setelah mendapat sokongan Penyelia Utama dan fakulti/institut serta kelulusan PPS.

11. LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN (LKP)

- 11.1 Calon akan diberi status Memuaskan (M) atau Tidak Memuaskan (TM) berdasarkan penilaian penyelia melalui e-Laporan Kemajuan.
- 11.2 Jawatankuasa Pengajian Siswazah peringkat fakulti/institut perlu mengesahkan Laporan Kemajuan Calon.
- 11.3 PPS akan meluluskan LKP dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Siswazah (JPS).
- 11.4 Status keputusan Laporan Kemajuan calon akan dipaparkan dalam portal pelajar.
- 11.5 Sekiranya calon mendapat keputusan Tidak Memuaskan (TM) sebanyak dua (2) kali berturut-turut, calon tersebut secara automatik akan digugurkan dari pencalonan.

12. PERTUKARAN BENTUK PENDAFTARAN

- 12.1 Calon boleh memohon pertukaran bentuk pendaftaran dari Sepenuh Masa kepada Separuh Masa atau dari Separuh Masa kepada Sepenuh Masa tertakluk kepada syarat tempoh pengajian maksimum yang dibenarkan dengan sokongan fakulti/ institut dan kelulusan PPS.
- 12.2 Pertukaran bentuk pendaftaran hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

13. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

- 13.1 Calon yang berhasrat menukar program pengajian boleh memohon kepada PPS dengan memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Pencapaian akademik calon tidak berada dalam status gagal;
 - ii. Mendapat persetujuan fakulti/institut program yang dipohon;
 - iii. Mendapat kelulusan PPS;

- iv. Pertukaran boleh dibuat selepas mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian;
- v. Pertukaran hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian di Universiti; dan
- vi. Pertukaran melebihi sekali hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah selepas mendapat sokongan fakulti/institut dan kelulusan PPS.

14. PERTUKARAN MOD PENGAJIAN

- 14.1 Calon boleh memohon kepada PPS untuk menukar mod pengajian daripada Kerja Kursus kepada mod Campuran atau Penyelidikan sepenuhnya serta sebaliknya dengan memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Pertukaran hendaklah dibuat sebelum semester terakhir pengajian;
 - ii. Pertukaran hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian di Universiti; dan
 - iii. Pertukaran melebihi sekali hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah selepas mendapat persetujuan fakulti/institut.

15. PERTUKARAN TAJUK/BIDANG PENYELIDIKAN

- 15.1 Calon dibenarkan untuk menukar bidang atau tajuk penyelidikan setelah mendapat kelulusan fakulti/institut.

16. PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

- 16.1 Calon dibenarkan memohon pelanjutan tempoh pengajian sekiranya tidak dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Permohonan tersebut perlu mendapat sokongan fakulti/institut dan kelulusan PPS.
- 16.2 Kelulusan permohonan pelanjutan adalah bagi dua (2) semester sahaja tertakluk kepada kelulusan PPS.
- 16.3 Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum tamat tempoh pengajian.

17. PERTUKARAN PERINGKAT PENGAJIAN SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH

- 17.1 Permohonan pertukaran peringkat pengajian hanya terbuka kepada calon siswazah CGPA ≥ 3.30 pada peringkat sarjana berstatus sepenuh masa sahaja.
- 17.2 Permohonan pertukaran peringkat pengajian sarjana kepada program Doktor Falsafah hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh pendaftaran sebagai calon siswazah.
- 17.3 Calon Sarjana yang memohon pertukaran peringkat pengajian kepada Doktor Falsafah mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks ISI/Scopus/ERA yang berkait dengan bidang kajian. *Scopus*
- 17.4 Calon Sarjana yang memohon pertukaran peringkat pengajian kepada Doktor Falsafah hendaklah mengemukakan cadangan penyelidikannya yang baharu yang telah diperakukan oleh Penyelia Utama.
- 17.5 Penyelia Utama hendaklah mengemukakan satu laporan yang lengkap tentang pencapaian terkini (6 bulan terakhir) penyelidikan calon.
- 17.6 Calon Sarjana yang memohon untuk menukar peringkat pengajiannya hendaklah membentangkan hasil penyelidikan kepada Jawatankuasa Penilaian yang ditubuhkan oleh fakulti/institut.
- 17.7 Keanggotaan Jawatankuasa Penilaian adalah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 (tiga) ahli:
 - i. Dekan fakulti/pengarah institut sebagai pengerusi;
 - ii. Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama calon; dan
 - iii. Sekurang-kurang seorang pakar bidang berkaitan samada dari dalam atau luar UniSZA.
- 17.8 Laporan Jawatankuasa Penilaian yang disediakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penilai hendaklah dikemukakan kepada PPS tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh penerimaan permohonan calon untuk menukar peringkat pengajian kepada Doktor Falsafah.
- 17.9 Kelulusan pertukaran peringkat pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.

18. KEMASUKAN TERUS PROGRAM PhD BAGI CALON SARJANA MUDA

- 18.1 Adalah dicadangkan satu program pengajian pada peringkat kedoktoran secara penyelidikan kemasukan terus daripada ijazah sarjana muda ditawarkan dengan syarat,
- 18.2 Calon yang mendaftar secara sepenuh masa sahaja layak untuk memohon;
- 18.3 Calon mendapatkan sekurang-kurangnya CGPA sekurang-kurangnya 3.70 pada tahap ijazah sarjana muda;
- 18.4 Calon dari luar negara perlu mendapatkan sekurang-kurangnya CGPA 3.70/4 atau 4.63/5 atau 92.50/100;
- 18.5 Calon perlu membuat pembentangan kemajuan penyelidikan dalam masa tidak melebihi dua semester di hadapan suatu jawatankuasa penilai di peringkat fakulti/institut yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 ahli dengan,
 - i. Dekan Fakulti/Pengarah Institut sebagai pengerusi,
 - ii. Penyelia Utama atau/dan penyelia bersama,
 - iii. Sekurang-kurang seorang pakar bidang yang berkaitan samada dari dalam atau luar UniSZA.
- 18.6 Calon hendaklah dalam masa dua semester,
 - i. Telah menerbitkan/diterima sekurang kurangnya satu artikel dalam jurnal berindeks dalam ISI/Scopus/ERA; dan
 - ii. Telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap PhD.
- 18.7 Calon yang tidak memenuhi syarat 18.6 akan menyiapkan tesis di peringkat sarjana sahaja.

19. NOTIS PENYERAHAN TESIS

Calon perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Penyeliaan Secara Individu;
- ii. Tesis/ Disertasi akan diserahkan dalam tempoh tiga (3) bulan bermula daripada kelulusan Jawatankuasa Peperiksaan Tesis oleh Senat;
- iii. Telah memenuhi tempoh minimum pengajian;
- iv. Telah mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan;
- v. Telah memenuhi syarat minima satu (1) kali pembentangan di peringkat Fakulti/ Institut/ Seminar/ Persidangan; dan
- vi. Bukti penerbitan telah menerbit dua (2) artikel dalam jurnal berwasit bagi PhD dan satu (1) artikel dalam jurnal berwasit bagi Sarjana.

20. PENYERAHAN TESIS UNTUK PEMERIKSAAN

- 20.1 Calon perlu menyerahkan tiga (3) naskah tesis berkulit lembut kepada PPS untuk tujuan pemeriksaan.
- 20.2 Calon perlu menyerahkan skor kesamaan tesis dengan menggunakan perincian yang ditentukan oleh PPS.

21. PENILAIAN AKHIR

- 21.1 Penilaian akhir bagi Program Ijazah Sarjana terdiri daripada:
 - i. Satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar;
 - ii. Peperiksaan lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Tesis; dan
 - iii. Menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel berkaitan kajian dalam jurnal berwasit.
- 21.2 Penilaian Bagi Program Ijazah Doktor Falsafah terdiri daripada:
 - i. Satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar;
 - ii. Peperiksaan lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis; dan
 - iii. Menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel berkaitan kajian dalam jurnal berwasit.

22. PENILAIAN TESIS

- 22.1 Tesis akan diperiksa oleh seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.
- 22.2 Setelah meneliti laporan pemeriksa dan prestasi calon dalam peperiksaan lisan, Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis akan memperakukan salah satu daripada status berikut:
 - i. Lulus tanpa pembetulan; atau
 - ii. Lulus dengan pembetulan minor (maksimum tiga (3) bulan); atau
 - iii. Lulus dengan pembetulan major (maksimum enam (6) bulan); atau
 - iv. Ulang *Viva Voce* (minimum (6) bulan dan maksimum (12) bulan); atau
 - v. Gagal dan tidak dibenarkan menyerah semula tesis untuk pemeriksaan. Tesis gagal memenuhi tahap kesarjanaan peringkat Sarjana/PhD, atau didapati mempunyai unsur plagiat.
- 22.3 Selepas *Viva Voce* dijalankan, pihak PPS akan memaklumkan kepada calon keputusan peperiksaan berdasarkan laporan Pengerusi *Viva Voce*. Calon akan diberikan tempoh untuk membuat pembetulan/penambahbaikan kepada tesis sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis.
- 22.4 Tesis yang telah dibuat pembetulan perlu diserahkan kepada PPS satu (1) naskah berkulit lembut untuk tujuan pengesahan pembetulan.

23. PENANGGUHAN *VIVA VOCE*

- 23.1 Calon yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu *Viva Voce* boleh memohon kepada Dekan PPS dengan perakuan fakulti/institut untuk menangguhkan peperiksaan berkenaan.
- 23.2 Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan mengikut budi bicara fakulti/institut dan kelulusan PPS.

24. RAYUAN KEPUTUSAN *VIVA VOCE*

- 24.1 Hanya calon yang gagal *Viva Voce* boleh merayu.
- 24.2 Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh 30 hari selepas tarikh *Viva Voce* pertama.
- 24.3 Rayuan calon akan dibawa kepada Jawatankuasa Rayuan Universiti.
- 24.4 Keputusan rayuan adalah muktamad.

25. PENYERAHAN TESIS BERJILID

- 25.1 Calon perlu menyerahkan tesis berjilid mengikut format yang ditetapkan untuk mendapat kelulusan Senat.
- 25.2 Calon dikehendaki menyerahkan empat (4) naskah berjilid dan dua (2) CD-ROM dalam bentuk PDF kepada PPS.

26. PENGANUGERAHAN IJAZAH

Ijazah boleh dianugerahkan kepada calon yang telah:

- i. Memenuhi semua syarat dan peraturan pengajian;
- ii. Menjelaskan semua yuran dan bayaran yang telah dikenakan; dan Diperakui oleh JAPSU dan diluluskan oleh Senat.

**JAWATANKUASA SEMAKAN SEMULA
BUKU PANDUAN SISWAZAH UNISZA 2016**

Penasihat

Prof. Dr. Mahadzirah binti Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pengerusi

Prof. Dr. Mustafa bin Mamat
(Dekan, Pusat Pengajian Siswazah)

Ahli-Ahli

Prof. Madya Dr. Fatma Susilawati binti Mohamad
(Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah)

Dr. Nurazan binti Mohmad Rouyan
(Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah)

Dr. Radzuwan bin Ab. Rashid
(Penyelaras Program, Pusat Pengajian Siswazah)

Prof. Dr. Nashriyah binti Mat
(Fakulti Biosumber dan Industri Makanan)

Prof. Dr. Harmy bin Mohamed Yusoff
(Fakulti Perubatan)

Prof. Madya Dr. Normah binti Yusof
(Fakulti Bahasa dan Komunikasi)

Prof. Madya Dr. Nanthakumar A/L Loganathan
(Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan)

Dr. Mohd Hisham bin Omar
(Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi)

Dr. Abdul Majid Tahir bin Mohamed
(Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa)

Dr. Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin
(Fakulti Pengajian Kontemporari Islam)
Dr. Muhamad Fazil bin Ahmad
(Fakulti Sains Sosial Gunaan)

Dr. Mohd Razif bin Shahril
(Fakulti Sains Kesihatan)

En. Ahmad Nazari bin Mohd Rose
(Fakulti Informatik dan Komputeran)

Sekretariat

En. Johari bin Johan
Pn. Zauriah binti Embong
Pn. Hairu Maryana Mamat



**GRADUATE STUDIES
GUIDE BOOK
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)**

**Master and Doctor of Philosophy
Research Mode**

2016

CONTENTS	PAGE
Welcome by The Vice-Chancellor	26
Welcome by The Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)	27
Welcome by The Dean of Graduate School (GS)	28
1. INTRODUCTION	29
1.1 Universiti Sultan Zainal Abidin's (UniSZA) Vision, Mission, Motto and Core Values	
1.2 Introduction to the Graduate School	
1.3 Purpose of the Graduate Studies Guide Book	
2. ENTRY REQUIREMENT	30
2.1 Master's Programme	
2.2 Doctoral Programme	
2.3 Language Requirement (International Students)	
3. REGISTRATION	31
3.1 First Semester Registration	
3.2 Registration for Subsequent Semesters	
3.3 Registration for Candidates who Submitted their Thesis for Evaluation	
3.4 Concurrent Registration	
4. COURSE OR PROGRAMME REQUIREMENT	32
5. DEFERMENT OF STUDIES	32
6. WITHDRAWAL FROM STUDIES	32
7. DISMISSAL OF CANDIDATE	32
8. DURATION OF STUDY	33
9. THESIS	33
10. SUPERVISION	34
10.1 Format of Supervision	
